

204

# Mahathir: Kenapa kita pilih dasar dua hala

17 JUL 1982

**S: DATUK, bolehkah kita beralih ke dasar luar negeri sebelum kita menghadapi politik dalam negeri. Mula-mula, soal umum. Adakah Datuk berasa puas hati, sesudah setahun mengemudi negara, bahawa Malaysia betul haluannya dalam hal dasar luar. Adakah rancangan lingkungan yang Datuk taja itu masih wujud; pertama soal Asean, kemudian negara-negara Islam dan seterusnya. Jadi, bagaimanakah perasaan Datuk pada amnya tentang hala dasar luar kita?**

**J: Saya pikir, pada umumnya, dasar luar yang kita telah laksanakan ialah baik untuk kita kerana ia sebuah dasar yang jauh lebih positif, selain dari menetapkan sistem-sistem keutamaan di Malaysia, kita, pada masa ini, lebih menitik-beratkan perhubungan dua hala kerana itu kita berusaha mengadakan hubungan dengan Mali umpamanya, serta negara-negara Pasifik Selatan. Kita dapati hubungan dua hala ini membolehkan kita mengenali mereka lebih mendalam lagi, mengetahui masalah mereka dan bagaimana kita boleh berker-**

pelepasan bijih itu atas ekonomi kita, dan seterusnya atas sebahagian ekonomi kita yang tertentu, dan selanjutnya mungkin atas keselamatan negara kita oleh kerana sektor yang terjejas itu boleh jadi sektor terutama Cina, dan ini mungkin menimbulkan masalah.

**S: Bagaimanakah kita boleh bertukar fikiran? Adakah kita sudah cuba berhubung langsung secara lebih berkesan dengan Amerika, memberitahu mereka tentang akibat perbuatan mereka yang sebenarnya, yang mana bertentangan dengan apa yang dikatakan kepentingan mereka terhadap kita.**

**J: Pendapat saya, orang persaoiran Amerika sangat bersimpati. Saya telah bertemu beberapa orang dari mereka. Ada di antaranya yang mendakwa dapat berhubung langsung dengan pihak berkuasa di Washington, tetapi saya belum melihat hasilnya, dan persaan saya ialah di Washington, sikap kurang timbang rasa atau tak ambil tahu tentang Malaysia bukan kepalang lagi. Untuk beberapa pegawai, rasa saya, mungkin Malaysia tidak pernah wujud. Itulah perasaan yang saya alami. Mungkin saya salah sangka.**

**S: Tidakkah ini kesilapan pegawai-pegawai kita di Washington?**

**J: Saya fikir pegawai-pegawai kita tu terutama kita punya Ambassador, kalau kita nak**

209

Sekelompok 210

jasama dengan mereka. Dalam pada itu hubungan berbagai hala tidak pernah menghasilkan persefahaman yang mendalam dan muhibah. Dari itu, saya rasa kita telah mencipta satu dasar luar yang mendatangkan hasil.

S: Bolehkah jika dikatakan bahawa, di bawah pimpinan Datuk, dasar luar kita telah berubah, dalam ertikata penekanan kearah hubungan yang sejati, seperti berdagang atau melabur kearah benda sejati dalam soal hubungan, selain dari berdasarkan konsep, kepentingan atau lingkungan pengaruh, serta penarikan kepada blok-blok, gerakan dan lain-lain (benda-simbolik).

J: Kita tidak lupa betapa perlunya memeluk beberapa ideal tertentu, ideal se dunia, seperti konsep berkecuai dan sebagainya, dan serentak dengan ini, kita sedar bahawa kita mesti mengerjakan titik bengkok rancangan, dan ini mendatangkan hasil yang agak positif sedikit.

S: Perhubungan kita dengan British dewasa ini.

J: Bersopan santun, sebagaimana patut antara negara yang berdaulat.

S: Ada juga pegawai-pegawai British yang mengatakan pegawai-pegawai JPM menolak terus permohonan mereka tanpa ditimbangkan terlebih dahulu.

J: Itu tak benar. Saya tahu sendiri, pasal saya tengok senarai barang-barang kita beli daripada Britain dan barang-barang itu masih banyak kita beli. Yang mana harganya murah, baik mutunya, ikut kita punya specification, kita masih beli dari Britain.

S: Ada orang kata, Datuk suka melonggokkan negeri seperti Australia, Canada, New Zealand dalam kelompok yang sama seperti British, kerana Datuk mensifatkan ia sebahagian daripada Empayar British. Adakah ini benar?

J: Tidak, tak betul rasa saya. Mengikut fikiran saya, perhubungan kita dengan negara lain itu terbit dari pengalaman kita dengan negara-negara itu. Ianya bukan berasaskan pengalaman kita dengan British.

S: Datuk, berapa banyakkah faedah yang didapat setakat ini hasil hubungan dengan Amerika?

J: Saya ingat perhubungan kita dengan Amerika barangkali yang buruk sekali antara apa yang dikatakan negara barat, khususnya pasal bijih timah, pelepasan simpanan GSA, harga bijih yang merosot, keengganannya menimbang akibat

lari daripada dia nampaknya tak boleh, pasal dia

berjumpa dengan semua orang dan dia bercakap sepanjang masa, jadi kalau orang tak-tahu kerana dia tak cakap, saya tak boleh percayalah.

S: Datuk menyatakan bahawa Malaysia tidak akan membekalkan senjata kepada sebarang puak di Kampuchea, akan tetapi beberapa kenyataan juga telah dibuat berulang-ulang kali bagi pihak Malaysia mengatakan puak bukan komunis patut diberi bantuan..... Bukankah ini bertentangan? Bolehkah Datuk terangkan dasar kita sebenarnya?

J: Kita tidak akan membekalkan senjata kepada mereka dan dalam pada itu kita juga tidak akan menghalang orang lain yang mahu memberi senjata — itu mereka punya hal.

S: Perhubungan kita dengan Filipina — dewasa ini Datuk, mereka mendesak supaya diadakan sidang puncak Ascan yang kurang kita setuju. Mereka belum membatalkan tuntutan terhadap Sabah dengan cara muktamat sebagaimana yang dikehendaki oleh Malaysia, dan yang pernah mereka janjikan kepada negara-negara Ascan lainnya. Filipina juga kadangkala masih menuduh Malaysia melatih pemberontak Moro, jadi masih terdapat perselisihan faham dengan Filipina yang pada umumnya tidak dilahirkan dengan kata-kata tertentu.

J: Saya raya tidak ada perselisihan, tetapi memang terdapat perbezaan pendapat atas beberapa hal tertentu, terutama mengenai sidang puncak. Kita menganggap sidang itu tidak begitu mustahak atau penting, kerana kita mahu sidang yang mencapai hasilnya. Sidang kemuncak yang hanya jadi tempat pertemuan atau menjadi majlis sosial, saya rasa tidak akan memberi faedah.

S: Datuk, laporan media asing mengatakan kita yang bertanggung jawab menempatkan pasukan bersenjata di sebuah pulau Indonesia yang kononnya menjadi rebutan. Datuk, sebagai Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, benarkah begitu?

J: Tetapi, pada fikiran saya, memang terdapat pertentangan pendapat mengenai pulau ini khususnya, jadi hal ini tengah di selesaikan dalam semangat persaudaraan Ascan.

S: Sudah berapa lamakah perselisihan ini?

J: Sebagaimana yang anda tahu, kita sudah menghebahkan sempadan sempadan kita beberapa lama dahulu dan meminta jiran-jiran kita memberi pendapat mereka bagi merundingkan soal sempadan itu, inilah pertikalan terhadap tuntutan kita.